

Malaysia berada dalam kumpulan negara teratas dari segi kesediaan kecerdasan buatan (AI), disokong kadar penggunaan yang tinggi, kepercayaan awam serta pelaburan berterusan dalam ekonomi digital, menurut syarikat teknologi hartanah global, Juwai IQI Holdings.

Dalam kenyataan baru-baru ini, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Kashif Ansari berkata, pencapaian itu dimaklumkan dalam *AI Index 2026 Annual Report* yang baru dikeluarkan oleh Universiti Stanford, Amerika Syarikat.

“Berdasarkan hampir setiap ukuran dari segi kesediaan awam, kepercayaan dan kemahuan, laporan Stanford AI menunjukkan Malaysia adalah antara negara teratas di dunia,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia menarik pelaburan maklumat dan komunikasi bernilai RM152.9 bilion pada tahun lalu.

Beliau berkata, di peringkat global, rakyat Malaysia mempunyai antara tahap optimisme tertinggi terhadap AI, dengan kira-kira 80 peratus yakin teknologi itu akan mengubah kehidupan mereka secara ketara, manakala 76 peratus menyatakan ketertarikan terhadap potensinya.

“Hampir dua pertiga rakyat Malaysia (70 peratus) yakin produk dan perkhidmatan yang menggunakan AI mempunyai lebih banyak manfaat daripada keburukan, berbanding hanya 59 peratus di peringkat global.

“Rakyat Malaysia adalah peneraju dunia dalam penggunaan AI di tempat kerja, dengan sembilan da-



Tahan setahun

PEMILIK perusahaan nasi impit *retort*, Adyanana Ahmad Md Yacob, 67, (kiri) bersama anak bongsunya Mohd Syamil Ahmad, 29, menunjukkan nasi impit yang dibungkus menggunakan teknologi *retort* ketika ditemui di Batu Pahat, kelmarin. Nasi impit yang dahulunya tidak tahan lama dan mudah rosak itu kini boleh disimpan sehingga setahun serta menjadi pilihan ramai, khususnya pada musim perayaan. - BERNAMA

SERAMAI 80% RAKYAT YAKIN AI

MALAYSIA ANTARA TERATAS DI DUNIA

ri pada 10 orang menggunakannya, berbanding 43 peratus di China dan 46 peratus di AS,” katanya.

Pada masa sama, 90 peratus penuntut universiti di Malaysia menggunakan AI, meningkat daripada kurang separuh pada 2023.

“Generasi tenaga kerja Malaysia yang akan datang membesar dengan alat AI dan akan dapat menggunakannya dengan cara

yang belum ditemukan oleh generasi terdahulu.

“Ini mungkin menjelaskan faktor yang mendorong kira-kira 54 peratus rakyat Malaysia bersikap positif mengenai cara AI boleh mempengaruhi pekerjaan mereka sendiri,” katanya.

Kashif berkata,

Malaysia juga luar biasa dari segi rakyat yang mempercayai kerajaan untuk mengawal selia AI dengan baik, apabila berada pada tahap kepercayaan ketiga tertinggi iaitu 73 peratus, hanya di belakang

Singapura dan Indonesia.

“Tahap kepercayaan awam ini me-

wujudkan kestabilan dasar dan memudahkan syarikat untuk melabur.

“Kerajaan Malaysia memperoleh kepercayaan ini melalui usaha sangat proaktif dan telus, menerusi inisiatif seperti pelan tindakan ekonomi digital, menggalakkan pelaburan pusat data, pembangunan pembuatan cip serta kerjasama dengan syarikat teknologi global,” katanya.

Malaysia tarik pelaburan maklumat dan komunikasi bernilai RM152.9b tahun lalu